

# Pelbagai pihak yakin kepemimpinan Abdullah

UM - 1 NOV 2003

**K**UALA LUMPUR 31 Okt. — Pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bersara hari ini.

Mereka percaya dan berkeyakinan bahawa di bawah kepimpinan Abdullah, Malaysia akan terus mencatat kecemerlangan sama ada di dalam mahupun luar negara.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), **Norizan Sharif** berkata, sebagai mewakili 10 juta orang generasi muda Malaysia, MBM yakin dan percaya, Abdullah akan meneruskan kegemilangan pembangunan negara yang ditinggalkan oleh Dr. Mahathir dan para pemimpin terdahulu.

“Sama seperti kecemerlangan yang pernah diterokai oleh

Selain itu, beliau juga berharap agar Abdullah akan mempertimbangkan untuk memberikan sebulan lagi bonus kepada para kakitangan awam di negara ini.

“Tun Dr. Mahathir telah memberikan sebulan bonus, mungkin sebulan lagi akan diumumkan oleh Abdullah sebagai satu penghormatan,” katanya.

Aktivis masyarakat, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, Abdullah perlu memberikan fokus dalam mendidik generasi muda supaya lebih sedar dan menghargai kepentingan menggalakkan interaksi kaum, agama dan budaya di kalangan mereka.

“Datuk Seri Abdullah juga perlu berusaha ke arah mewujudkan dialog antara agama dan penubuhan sebuah institusi agama supaya dapat berinteraksi dan bertukar idea serta fahaman,” katanya.

Beliau juga berkata, keselamatan negara, terutamanya pencegahan jenayah perlu diberi keutamaan dan dalam hal ini, semangat dan kapasiti pasukan polis perlu dipertingkatkan selain menggalakkan kerjasama antara orang awam dengan polis.

Pengerusi Perkhidmatan Hotline MCA, **Tai Sim Yew** turut berkeyakinan dengan pemilihan Abdullah sebagai Perdana Menteri kerana percaya di bawah kepimpinannya, Malaysia akan lebih banyak melakar kejayaan yang gemilang.

“Secara peribadi saya juga yakin beliau juga akan meneruskan perjuangan Tun Dr. Mahathir untuk mengekalkan suasana harmoni dan semangat perpaduan di kalangan berbilang kaum di negara ini,” katanya.

Sim Yew juga percaya Abdullah akan meneruskan polisi kerajaan yang telah dibentuk dan dijalankan oleh Perdana Menteri terdahulu walaupun corak kepimpinan mungkin berlainan.

“Rakyat akan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri baru dalam menghadapi apa-apa segala bentuk cabaran daripada dalam atau luar negara,” tegasnya.

Sementara itu, Pergerakan Belia Sosialis DAP (DAPSY) dalam kenyataan akhbarnya hari ini berharap Abdullah akan mengutamakan keadilan sistem kehakiman, menghentikan kawalan media dan mengambil kira hak wanita di dalam kepimpinannya.

“DAPSY mengucapkan tahniah di atas pelantikan Abdullah dan berharap beliau dapat menyambung kepimpinan cemerlang Dr. Mahathir,” kata kenyataan itu.

Tun Dr. Mahathir, Abdullah juga diyakini akan mencipta sejarah yang sama.

“MBM juga percaya, Perdana Menteri yang baru ini juga akan memberi tumpuan kepada belia yang menjadi aset pembangunan negara,” katanya.

Abdullah hari ini mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri di hadapan Yang diPertuan Agong di Istana Negara bagi menggantikan Dr. Mahathir yang menerajui negara selama 22 tahun.

Pengerusi Persatuan Karyawan Malaysia, **Zaienal Abidin Omar** turut berkeyakinan bahawa Abdullah mampu meneruskan perjuangan Dr. Mahathir dan mengangkat lagi martabat bangsa, agama dan negara pada mata dunia luar.

“Karyawan menaruh harapan yang tinggi agar Perdana Menteri yang baru ini memberi perhatian yang lebih serius terhadap industri hiburan tanah air,” katanya.

Zaienal berkata, industri hiburan turut menyumbang kepada ekonomi negara dan sehubungan dengan itu, beliau berharap sebuah kementerian khusus berkaitan dengannya akan ditubuhkan.

Pengerusi Akademi Belia, **Datuk Saifuddin Abdullah** pula menegaskan, Abdullah pernah menerajui kepimpinan beberapa persatuan belia di negara ini dan berdasarkan pengalaman tersebut, beliau percaya belia di negara akan terus diberi perhatian.

“Pihak kami memberi sokongan yang tidak berbelah kepada Abdullah sama seperti penghormatan yang diberikan kepada Perdana Menteri sebelum ini,” tegasnya.

Presiden Yayasan Azam Wanita, **Azlinda Baroni** berkata, pemilihan Abdullah mencerminkan bahawa negara telah melalui satu penurunan kuasa yang paling sempurna.

## Harapan

“Harapan kaum wanita daripada Abdullah adalah perhatian yang lebih banyak lagi kepada kaum wanita selepas perhatian besar yang diberikan oleh Dr. Mahathir,” katanya.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam, **Datuk Abdul Rahman Manan** berharap perhubungan antara pekerja sektor awam dengan kepimpinan tertinggi akan menjadi lebih baik kerana Abdullah sendiri merupakan bekas kakitangan awam.